"Ia bukan kerja amal tetapi saya gembira kerana berpeluang memberi keceriaan kepada kanak-kanak itu apabila menyambut hari jadi anak saya bersama mereka sejak tiga tahun lalu. Ini sumbangan kecil saya untuk mereka"

Mohan Krishnan
Pengurus Kanan Perniagaan Korporat ING

SUKARELAWAN ING Helping Hands membersih kawasan Zoo Negara.

"Kami yang menguruskan penganjuran program amal ini terkejut serta terharu dengan semangat ditunjukkan kakitangan dalam kerja sukarela. Kerja ini tidak ada ganjaran tetapi mereka bersedia untuk turut serta malah, ada yang sering bertanya bila program seterusnya diadakan"

Tunku Faradiana Tunku Zainal Abidin
Eksekutif Jenama, Penjenamaan dan Komunikasi Korporat ING

Oleh Hadiza Hassan
hadiza@hmetro.com.my

Aktiviti amal ING meriah

Sukarelawan gotong-royong bersih Zoo Negara selaras tanggungjawab sosial korporat

SERONOK apabila dapat berkumpul dengan rakan sekerja sambil melakukan aktiviti amal bersama memandangkan semua adalah muka yang biasa ditemui hari-hari dan pastinya komunikasi akan menjadi lebih mudah.

Mungkin juga tidak semua yang kita kenal tetapi disebabkan kita datang daripada satu syarikat yang sama, perasaan kekitaan itu membolehkan perhubungan terjalin dalam masa singkat tanpa perlu melalui proses penyesuaian terlebih dulu.

Itulah yang dirasai kira-kira 100 kakitangan syarikat insurans ING Insurance Berhad yang juga ahli sukarelawan ING Helping Hands ketika membersihkan kandang singa dan gajah, mengecat tempat duduk dan mencantikkan Zoo Negara, baru-baru ini.

Aktiviti amal yang dijalankan sempena ulang tahun Zoo Negara ke-46 itu juga membolehkan sukarelawan Helping Hands yang ditubuhkan secara rasmi Oktober lalu melakukan kerja amal dalam suasana meriah.

Penat menyapu daun di sekitar kandang singa dan gajah serta mengecat, tidak terasa kerana kerja itu dilakukan secara gotong-royong. Lebih penting lagi, ia dilakukan dengan ikhlas dan semangat ingin menabur bakti memberi kebaikan kepada semua pihak, pengurusan serta pengunjung Zoo Negara.

Eksekutif Jenama, Penjenamaan dan Komunikasi Korporat ING, Tunku Faradiana Tunku Zainal Abidin, berkata kakitangan syarikat itu sebenarnya sudah didedahkan kepada kerja sukarela sebagai sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan.

Beliau yang juga penyelaras Helping Hands berkata, penubuhan kelab sukarelawan itu bertujuan membuka lebih banyak peluang kepada kakitangan syarikat yang menjadi ahli Helping Hands bersama menyumbang tenaga dalam aktiviti amal yang dianjurkan.

Pada masa sama, dengan ada kelab sukarelawan yang dikhususkan untuk aktiviti amal seperti Helping Hands itu, akan membolehkan setiap aktiviti yang dirancang dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

"Helping Hands akan menjadi payung kepada program berasaskan tanggungjawab sosial membabitkan kakitangan ING sendiri kerana selain menyumbang kepada masyarakat, kita juga ingin menerapkan semangat sukarelawan di kalangan ahli ING.

"Kami yang menguruskan penganjuran program amal ini terkejut serta terharu dengan semangat ditunjukkan kakitangan dalam kerja sukarela. Kerja ini tidak ada ganjaran tetapi mereka bersedia untuk turut serta malah, ada yang sering bertanya bila program seterusnya diadakan," katanya.

Katanya, ING komited untuk membantu masyarakat dan setiap tahun syarikat itu merancang pelbagai program untuk memenuhi tanggungjawab korporat memberi sumbangan kepada pihak yang memerlukan.

Seperti tahun ini katanya, tumpuan terus diberikan kepada empat program iaitu Kempen Hijau ING, Berikan Senyuman, Peluang untuk Kanak-kanak dan Program Tajaan Singa di Zoo Negara yang dilancarkan pada 2004.

Kempen Hijau ING adalah kempen kesedaran pemuliharaan alam sekitar yang diterapkan di kalangan kakitangan syarikat dan mereka diberi beg membeli-belah bagi menggantikan penggunaan beg plastik.

Kakitangan juga digalakkan membawa bekas makanan sendiri apabila ingin membeli makanan serta diajak menonton filem yang menunjukkan apa yang akan terjadi kepada dunia akan datang jika alam sekitar tidak dipelihara.

Program Berikan Senyuman pula, adalah kerjasama ING dan Persatuan Kleft Bibir dan Lelangit Malaysia



SEMPAT juga tengok aksi gajah.

AKTIVITI mengecat tempat duduk untuk mencantikkan Zoo Negara.

Ahli Helping Hands gembira tabur bakti

BUKAN mudah mengajak ahli keluarga atau teman untuk terbabit dengan kerja sukarela. Banyak alasan yang diberi seperti tidak ada masa, tidak tahu bagaimana hendak melakukannya dan pelbagai alasan lain yang ada unsur penolakan.

Bagaimanapun, masih ada di luar sana yang sedia menghulur bantuan tanpa mengharapkan sumbangan, malah sentiasa mencari peluang menabur bakti. Maka, tidak hairanlah apabila mayikan penyelesaian bantuan, ia diserbu orang mengharapkan diberikan kan bantal.

Itulah dirasakan Clarence Lê, 42, sukarelawan ING Helping Hands yang melihat inisiatif majikannya menubuhkan kelab sukarelawan itu membuka peluang kepada kakitangan untuk menghulur bantuan dalam pelbagai aktiviti dianjurkan.

Katanya, Helping Hands dan kami kakitangan ING berusaha menjadikannya satu kenyataan. Sukar untuk saya gambarkan perasaan apabila melihat kegembiraan pada wajah kanak-kanak itu apabila mendapat apa yang diharapkan," katanya.

Beliau yang sudah berkhidmat selama 17 tahun di ING berkata, kepuasan melakukan kerja sukarela tidak dapat digambarkan kerana ia lebih bermakna daripada memberi wang kerana kita dapat melihat sendiri kesan daripada sumbangan yang diberi.

Sementara bagi Zurnini Kasim, 41, yang bertugas sebagai penganalisis perniagaan di ING, tidak menyangka akan berpeluang memberi sumbangan kepada masyarakat melalui aktiviti sukarela kerana kesibukan kerja.

Bagaimanapun, ibu kepada sepasang cahaya mata berusia amal ini, kita akan cuba adakan masa. Manfaatnya juga banyak kerana kita ada lebih ramai kawan di kalangan ahli sukarelawan dan berkongsi kesusahan yang dirasai pihak lain," katanya.

Pengurus Kanan Perniagaan Korporat ING, Mohan Krishnan, 42, berkata aktiviti membersihkan Zoo Negara anjuran Helping Hands bersama 100 kakitangan lain adalah pembabitan pertamanya beliau dalam program sukarela.

Walaupun begitu, beliau sudah biasa dengan kerja sukarela terutama yang dianjurkan pihak luar dan sebagai usaha peribadi membantu golongan kurang bernasib baik, beliau akan mengadakan majlis sambutan hari jadi anaknya di rumah anak-anak yatim.

"Ia bukan kerja amal tetapi saya gembira kerana berpeluang memberi keceria-

"Ini adalah cara paling mudah dan selalunya apabila sudah terbabit dalam kerja amal ini, kita akan cuba adakan masa. Manfaatnya juga banyak kerana kita ada lebih ramai kawan di kalangan ahli sukarelawan dan berkongsi kesusahan yang dirasai pihak lain"